



Ruj. Kami : ANM (T)NS.017 Jld.6 (41)

Tarikh : 9 Mac 2020

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
SEMUA KETUA PUSAT TERIMAAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERJUMPAAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BERSAMA WARGA
PERAKAUNAN NEGERI SEMBILAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan akan mengadakan Majlis Perjumpaan Akauntan Negara Malaysia Bersama Warga Perakaunan Negeri Sembilan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 26 Mac 2020 (Khamis)
Masa : 2.00 petang – 4.30 petang
Tempat : Dewan Theatrette Wisma Negeri

3. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dipohon untuk memberi pelepasan kepada pegawai perakaunan bagi jawatan Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan di jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk menghadiri majlis tersebut. Pengesahan kehadiran pegawai perlu dilakukan dengan melengkapkan maklumat melalui pautan seperti **di Lampiran A pada atau sebelum 17 Mac 2020 (Selasa)**. Senarai nama pegawai yang akan menghadiri majlis ini akan dimuat naik ke dalam portal rasmi JANM Negeri Sembilan pada 20 Mac 2020 (Jumaat).

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan bolehlah menghubungi urusetia yang terlibat di talian seperti berikut :

i)	Puan Farah Nadirah Zulkifli	-	06-768 6839
ii)	Puan Noriza binti Nasir	-	06-768 6839
iii)	Puan Nurhawani binti Mohd Johar	-	06-768 6892
iv)	Cik Alice Subhashini A/P C.X Raja	-	06-768 6837

5. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD NOR AZAM BIN SABTU C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan

LAMPIRAN A

**PAUTAN UNTUK PENGESAHAN KEHADIRAN
PERJUMPAAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BERSAMA WARGA
PERAKAUNAN NEGERI SEMBILAN.**

1. QR CODE

QR: <https://cutt.ly/RegMac2020>



2. PAUTAN GOOGLE FORM

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSduANeIE9WR1hQIX2EFf0fksDclzSQdJt7rDTNsybKtSryjHg/viewform?usp=pp_url